

ANALISIS SEMANTIK SIFAT-SIFAT YANG MERUJUK KEPADA PEREMPUAN DALAM AL-QURAN

Nur Saadah Hamisanⁱ@Khairⁱ, Norullisza Khosimⁱⁱ, Norfarhana Ahmad Ghafarⁱⁱⁱ

ⁱ(Corresponding author). Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

Emel: saadahkhair@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

Emel: norulliszakhosim@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia.

Emel: norfarhana@usim.edu.my

ABSTRAK

Al-Quran merupakan kitab panduan yang ditujukan kepada sekalian manusia termasuklah lelaki dan perempuan tanpa mengira perbezaan jantina. Walaupun wujud pelbagai stigma terhadap kaum perempuan pada zaman awal penurunan wahyu, malah sehingga kini, tetapi kedudukan perempuan dipelihara melalui kandungan al-Quran yang sarat dengan keadilan serta pengiktirafan terhadap peranan mereka dalam masyarakat. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis sifat-sifat yang merujuk kepada perempuan dalam al-Quran melalui pendekatan semantik. Analisis ini memberi tumpuan kepada makna leksikal, makna kontekstual, serta implikasi semantik bagi penggunaannya dalam ayat-ayat al-Quran. Kaedah kajian kualitatif digunakan dengan mengaplikasikan analisis kandungan terhadap teks al-Quran, yang mana semua sifat-sifat yang berkaitan dengan perempuan dikenal pasti berdasarkan bentuk morfologi dan konteks ayat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa al-Quran mengandungi pelbagai sifat yang bukan sahaja menggambarkan ciri luaran atau peranan sosial bagi kaum perempuan, tetapi juga menekankan nilai rohani, moral, dan akhlak yang wajar dijadikan landasan hidup. Penemuan ini menunjukkan bahawa pemilihan sifat yang digambarkan dalam al-Quran mempunyai nuansa makna yang mendalam dan berfungsi sebagai panduan serta pembentukan identiti perempuan beragama Islam. Kajian ini membantu dalam memperkukuhkan pemahaman terhadap kandungan al-Quran yang berkaitan dengan perempuan yang mempunyai peranan utama sebagai madrasah pertama dalam keluarga dan teras penting sesebuah negara.

Kata-kata kunci: Al-Quran, Bahasa, Sifat, Perempuan, Semantik.

PENGENALAN

Al-Quran merupakan sumber utama dalam Islam yang komprehensif merangkumi pelbagai aspek kehidupan. Kandungan al-Quran relevan sepanjang zaman dan kekal tidak berubah sejak diwahyukan ke atas Nabi Muhammad SAW. Salah satu aspek penting dalam teks al-Quran ialah pemilihan bahasa dan gaya ungkapannya yang mempunyai makna mendalam. Penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran merupakan satu keistimewaan dan mengandungi hikmah yang besar. Hal ini dinyatakan oleh Allah SWT dalam firman-Nya: “Sesungguhnya Kami menurunkannya sebagai al-Quran dalam bahasa Arab, agar kamu memahaminya (maknanya).” (Surah Yusuf, ayat 2)

Al-Quran merupakan kitab panduan yang bersifat menyeluruh dan kekal sepanjang zaman bagi segenap lapisan masyarakat tanpa mengira kedudukan sosial mahupun jantina; lelaki mahupun perempuan. Dalam konteks perbahasan tentang perempuan, al-Quran tidak sekadar menyoroti aspek hukum atau peranan sosial semata-mata, tetapi turut menegaskan kedudukan perempuan dari sudut kemuliaan, tanggungjawab, dan nilai kemanusiaan yang setara dengan lelaki. Al-Quran menampilkan keseimbangan antara hak dan tanggungjawab kedua-dua jantina, sekali gus memperlihatkan prinsip keadilan dan kesamarataan yang menjadi asas ajaran Islam.

Imam al-Razi menegaskan bahawa al-Quran tidak membezakan kedudukan lelaki dan perempuan dalam hal ganjaran dan penerimaan amalan, kerana yang menjadi ukuran utama adalah ketaatan dan ketakwaan, bukan jantina, keturunan atau kedudukan sosial. Kedua-duanya memiliki potensi yang sama untuk mencapai tahap pengabdian tertinggi kepada Allah SWT sebagaimana tujuan penciptaan manusia. Walau bagaimanapun, perbezaan fitrah antara lelaki dan perempuan membawa kepada pembahagian tugas yang berbeza dalam kehidupan, khususnya dalam aspek kekeluargaan, justeru lelaki diberikan kelebihan tertentu yang selaras dengan peranan mereka (Mohd Shahrar, 2022).

Di samping itu, al-Quran turut menekankan sifat-sifat yang membentuk identiti serta keperibadian perempuan secara terperinci. Sifat yang merujuk kepada perempuan memberikan gambaran yang luas tentang kedudukan, keistimewaan, dan tanggungjawab perempuan Muslim dalam perspektif Islam. Kajian semantik terhadap sifat-sifat ini penting kerana ia dapat menyingkap makna literal dan makna konotatif yang terkandung dalam teks, sekali gus mengungkap nuansa makna yang sering kali tersirat di sebalik ungkapan al-Quran. Dengan demikian, analisis semantik ini diharapkan dapat memberikan sumbangan ilmiah dalam memahami peranan perempuan dari sudut linguistik al-Quran.

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis sifat-sifat yang merujuk kepada perempuan dalam al-Quran melalui pendekatan semantik dengan menggunakan kaedah kajian kualitatif. Analisis ini dilaksanakan melalui kaedah analisis kandungan terhadap teks al-Quran, yang mana semua sifat yang berkaitan dengan perempuan dikenal pasti dan diteliti berdasarkan bentuk morfologi serta konteks ayat bagi memahami makna dan implikasinya secara menyeluruh.

Istilah ‘Perempuan’ dalam al-Quran

Al-Quran menggunakan pelbagai istilah khusus untuk merujuk kepada lelaki dan perempuan, bukan sahaja bagi menunjukkan jantina tetapi juga peranan serta tanggungjawab mereka. Istilah seperti al-rijal, az-zauj, adz-dzakar, dan al-mar’u menggambarkan lelaki dalam konteks anak lelaki, suami, ketua, pemimpin, bahkan nabi, manakala perempuan juga digambarkan melalui beberapa istilah yang pelbagai. Beberapa kajian telah dijalankan dalam membincangkan istilah yang merujuk kepada perempuan. Kepelbagaian istilah ini memperincikan kategori jantina di samping menggambarkan peranan gender yang berbeza dalam masyarakat (Nur Azwani & Noor Hisham, 2021). Paizah (1997) telah menjalankan kajian analisis dengan menghimpunkan tiga istilah penting yang merujuk kepada ‘perempuan’ dalam al-Quran dan juga Hadis.

Istilah tersebut adalah *al-untha*, *al-mar'ah*, *an-nisa'* yang merujuk kepada perempuan dalam konteks umum, dan dalam masa yang sama mengkhususkan penggunaannya kepada peranan perempuan sebagai isteri. Secara keseluruhannya, al-Quran menjelaskan istilah perempuan melalui pelbagai istilah semantik yang menggambarkan kedudukan, peranan dan sifat mereka dalam pelbagai konteks yang berbeza-beza. Tambahan pula, penurunan al-Quran sebagai wahyu dengan bahasa yang kaya dan indah secara tidak langsung telah mengiktiraf kedudukan kaum perempuan yang pernah dahulunya dipandang rendah pada zaman sebelum kedatangan Islam.

Oleh itu, jelas bahawa Islam telah mengangkat martabat perempuan melalui penggunaan istilah-istilah yang berlapis makna serta penuh penghormatan. Dalam bahasa harian pula, istilah perempuan turut dirujuk dengan pelbagai sebutan seperti perempuan, isteri, ibu, puteri atau saudara perempuan. Kesemua istilah ini berfungsi untuk membezakan jantina perempuan daripada lelaki, di samping mencerminkan peranan dan hubungan sosial yang pelbagai dalam kehidupan masyarakat. Siti Aminah & Dahlia Lubis (2022) menemukan bahawa istilah berkaitan perempuan dari sudut semantik al-Quran merangkumi *al-untha*, *al-imra'ah/mar'ah*, *an-nisa'*, *az-zauj*, *al-bint*, *al-ukht*, *al-umm*, *al-muslimah*, *al-mu'minah*, *al-sohibah*, *al-qonitat*, *al-hafidzhah*, *as-sobirat*, *al-khasi'at*, dan *al-fatayat*, yang masing-masing menzahirkan peranan khusus perempuan dalam masyarakat dan agama.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Puspitasari & Nashirudin (2022), terdapat sembilan istilah yang dibincangkan secara spesifik merujuk kepada istilah perempuan. Perkataan tersebut adalah: *al-untha* merujuk kepada fitrah perempuan yang lembut, *an-nisa'* kepada perempuan secara umum, *al-mar'ah* menekankan peranan sebagai isteri yang baik, *al-umm* menggambarkan perempuan sebagai ibu teladan, *al-ukht* sebagai saudara perempuan, *al-zauj* sebagai pasangan kepada suami, *al-banat* merujuk kepada anak perempuan, manakala *al-Muslimah* dan *al-Mu'minah* menekankan aspek kerohanian perempuan yang taat, berserah diri, dan tenang dalam iman. Secara terperinci, perbandingan antara pelbagai istilah dirumuskan seperti dalam Jadual 1 yang masing-masing membawa konotasi dan konteks yang berbeza.

Kepelbagaian istilah tersebut bukan sahaja menggambarkan aspek biologikal atau sosial, tetapi juga memperlihatkan dimensi spiritual, moral, dan kemanusiaan yang menjadi asas pandangan Islam terhadap perempuan. Istilah-istilah tersebut turut dapat dirujuk melalui karya-karya leksikografi al-Quran yang komprehensif. Antara rujukan utama ialah karya 'Abd al-Baqī (1945), *Al-Mu'jam al-Mufahras li-Alfaz al-Quran al-Karim*, yang menghimpunkan semua lafaz dalam al-Quran secara sistematik mengikut akar kata. Di samping itu, rujukan lain yang relevan termasuk karya al-Raghib al-Asfahani (1991) dalam *Al-Mufradat fi Gharib al-Quran* dan Ibn Manzur (1993) dalam *Lisan al-'Arab*, yang turut memperincikan makna serta penggunaan pelbagai istilah dalam pelbagai konteks linguistik dan semantik al-Quran.

Jadual 1: Istilah ‘perempuan’ dalam al-Quran

Istilah	Surah/Ayat
النِّسَاءُ / نِسَاءٌ	Surah al-Baqarah: 222, 223, 226, 231-232, 235, 236; Surah an-Nisā’: 1, 3, 4, 7, 11, 15, 19, 22, 23, 24, 33, 34, 43, 75, 98, 127, 129, 124, 176; Surah Ali Imran: 14, 42, 61, 195; Surah al-Maidah: 6; Surah al-A’raf: 81, 141, 127; Surah al-Nur: 13, 31, 60; Surah al-Naml: 53; Surah al-Ahzab: 30, 32, 52, 55, 59; Surah al-Mujadalah: 2-3; Surah al-Fath: 25; Surah al-Hujurat: 1; Surah al-Talaq: 1, 2, 4; Surah Ibrahim: 6; Surah Ghafir: 25; Surah al-Mujadalah: 2, 3
الأنثى / أنثى	Surah al-Baqarah: 178; Surah Ali ‘Imran: 36, 159; Surah al-Nisa’: 117, 124; Surah al-Ra’d: 8; Surah al-Nahl: 97; Surah Fatir: 11; Surah Ghafir: 40; Surah Fussilat: 47; Surah al-Hujurat: 13; Surah al-Najm: 21, 27, 45; Surah al-Qiyamah: 39; Surah al-Layl: 3 ; Surah al-Saffat: 50; Surah al-Isra’: 40; Surah al-Syura: 49, 50
الأنثى / أنثى	Surah al-An’am: 144
إناثا	Surah al-Zukhruf: 19
أُمَّرَأَةٌ / أُمَّرَأَاتٌ	Surah al-Nisa: 12, 128; Surah Yusuf: 21, 30, 50; Surah al-Naml: 23, 57; Surah al-Qasas: 9; Surah al-Ahzab: 50; Surah al-Tahrim: 10, 11; Surah Hud: 71, 81; Surah Maryam: 5, 8; Surah al-Ankabut: 32, 33; Surah al-A’raf: 83; Surah al-Hir: 60; Surah al-Dzariyat: 29; Surah al-Lahab: 4
أُمَّرَأَتَانِ / أُمَّرَأَتَيْنِ	Surah al-Baqarah: 282 Surah al-Qasas: 23
صاحبة	Surah ‘Abasa: 36 Surah al-Ma’arij: 12

Sifat-Sifat Bagi ‘Perempuan’ dalam Al-Quran

Dalam bahasa al-Quran, sifat bukan sekadar huraian luaran tetapi juga membawa nilai moral, rohani, dan akhlak. Sifat juga menunjukkan kepentingan sesuatu perkataan dalam bahasa tersebut (Ghafar & Ahmad, 2023). Sifat dapat dikaitkan dengan konsep akhlak yang merangkumi dua kategori utama iaitu sifat terpuji (mahmudah) dan sifat tercela (mazmumah). Menurut Imam al-Ghazali (1939), sifat terpuji (mahmudah) membentuk hati untuk sentiasa mendekatkan diri kepada Allah SWT, manakala sifat tercela (mazmumah) adalah merugikan dan menjauhkan diri daripada Allah SWT. Penentuan bagi baik atau buruknya sesuatu sifat mestilah berpandukan kepada pertimbangan al-Quran dan hadis Nabi Muhammad SAW.

Antara mekanisme yang dinyatakan dalam al-Qur’an ialah pembentukan suri teladan (role model), penyampaian teguran melalui kisah, penggunaan perumpamaan berkaitan akhlak, serta penegasan ancaman dan pemberian motivasi (Azli Fairuz et al., 2015). Dalam al-Quran, penggunaan sifat boleh ditemukan dalam keadaan yang pelbagai dan setiap satunya berfungsi mengikut konteks yang tertentu. Terdapat sifat yang digunakan untuk menggambarkan keadaan manusia, malaikat, jin, bahkan Allah SWT dengan sifat-sifat-Nya yang sempurna.

Pada masa yang sama, kepelbagaian ini juga membawa tujuan pengajaran, iaitu menonjolkan sifat-sifat mulia yang wajar dicontohi serta sifat-sifat tercela yang harus dijauhi. Selain itu, ia menekankan realiti kehidupan manusia yang berbeza di mana ada yang beriman dan ada yang kufur, ada yang sabar dan ada yang tergesa-gesa. Dengan itu, sifat-sifat dalam al-Quran berperanan sebagai penanda untuk membezakan antara akhlak baik dan buruk serta antara jalan yang benar dengan yang menyimpang (Khairul Anuar, 2020). Al-Quran juga menampilkan sifat-sifat tertentu untuk menggambarkan kaum perempuan, sama ada dalam bentuk teladan mahupun sebagai peringatan.

Ada perempuan yang diangkat dengan sifat terpuji, seperti Maryam yang menjaga kehormatan diri, isteri Firaun (Asiyah) yang beriman, taat dan sabar. Namun, terdapat juga contoh sifat tercela, antaranya isteri Nabi Nuh dan Nabi Lut yang kufur, serta Ummu Jamil, isteri Abu Lahab, yang digambarkan suka menghasut. Gambaran ini menunjukkan bahawa al-Quran tidak menghadkan sifat hanya kepada lelaki, sebaliknya perempuan juga dipuji atau ditegur berdasarkan akhlak mereka, bukan semata-mata kerana jantina. Justeru, kajian ini bertujuan mengumpulkan dan menganalisis sifat-sifat yang merujuk kepada perempuan sebagaimana yang disebutkan dalam al-Quran.

Pemilihan sifat-sifat ini dibuat berdasarkan penampilan istilah yang menggambarkan perilaku perempuan dalam konteks moral, spiritual, dan sosial menurut perspektif wahyu. Analisis turut memberi perhatian kepada penggunaan istilah Arab yang asli bagi memastikan ketepatan makna serta kefahaman konteks ayat yang sebenar. Kajian ini mengkhususkan kepada lima ayat utama dalam al-Quran yang menghimpunkan sifat-sifat bagi perempuan. Ayat-ayat ini dipilih kerana mengandungi perincian yang jelas tentang sifat-sifat perempuan, sama ada terpuji mahupun tercela, yang berfungsi sebagai panduan etika dan moral dalam pembentukan akhlak bagi perempuan Muslimah. Walaupun kajian ini hanya menumpukan kepada lima ayat utama tersebut, terdapat juga beberapa istilah lain yang digunakan dalam ayat-ayat al-Quran yang tidak dibincangkan dalam kajian ini.

1. Surah al-Ahzab, ayat 35

Allah SWT berfirman:

إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْقَانِتِينَ وَالْقَانِتَاتِ وَالصَّادِقِينَ وَالصَّادِقَاتِ وَالصَّابِرِينَ وَالصَّابِرَاتِ وَالْخَاشِعِينَ وَالْخَاشِعَاتِ وَالْمُتَصَدِّقِينَ وَالْمُتَصَدِّقَاتِ وَالصَّامِتِينَ وَالصَّامِتَاتِ وَالْحَافِظِينَ فُرُوجَهُمْ وَالْحَافِظَاتِ وَالذَّاكِرِينَ اللَّهَ كَثِيرًا وَالذَّاكِرَاتِ أَعَدَّ اللَّهُ لَهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا

Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang lelaki yang Islam serta orang-orang perempuan yang Islam, dan orang-orang lelaki yang beriman serta orang-orang perempuan yang beriman, dan orang-orang lelaki yang taat serta orang-orang perempuan yang taat, dan orang-orang lelaki yang benar serta orang-orang perempuan yang benar, dan orang-orang lelaki yang sabar serta orang-orang perempuan yang sabar, dan orang-orang lelaki yang merendahkan diri (kepada Allah) serta orang-orang perempuan yang merendahkan diri (kepada Allah), dan orang-orang lelaki yang bersedekah serta orang-orang perempuan yang bersedekah, dan orang-orang lelaki yang berpuasa serta orang-orang perempuan yang berpuasa, dan orang-orang lelaki yang memelihara kehormatannya serta orang-orang perempuan yang memelihara kehormatannya,

dan orang-orang lelaki yang menyebut nama Allah banyak-banyak serta orang-orang perempuan yang menyebut nama Allah banyak-banyak, Allah telah menyediakan bagi mereka semuanya keampunan dan pahala yang besar."

Ayat ini menonjolkan sepuluh sifat yang disandarkan kepada perempuan, iaitu al-muslimat (perempuan yang berserah diri kepada Allah), al-mu'minat (perempuan yang beriman), al-qanitat (perempuan yang taat), al-sadiqat (perempuan yang jujur), al-sabirat (perempuan yang sabar), al-khashi'at (perempuan yang khusyuk), al-mutasaddiqat (perempuan yang bersedekah), al-sa'imat (perempuan yang berpuasa), al-hafizat (perempuan yang menjaga kehormatan diri), dan al-zakirat (perempuan yang banyak mengingati Allah). Kesemua sifat ini disebutkan selepas menyatakan sifat yang sama bagi kaum lelaki, menunjukkan bahawa al-Quran menegaskan prinsip kesetaraan dalam tanggungjawab dan ganjaran di akhirat kelak (Al-Zuhayli, 1991) antara lelaki dan perempuan.

Susunan ayat yang menggabungkan kedua-dua jantina dengan sifat yang serupa menggambarkan bahawa dalam pandangan al-Quran, keutamaan seseorang tidak ditentukan oleh jantina, tetapi oleh keimanan dan amal soleh yang dilakukan. Ini menandakan bahawa perempuan turut diberi ruang yang sama untuk mencapai darjat ketakwaan dan ganjaran akhirat sebagaimana lelaki. Dengan itu, ayat ini bukan sahaja menegaskan kesetaraan moral dan spiritual, tetapi juga memperlihatkan pengiktirafan terhadap peranan perempuan sebagai individu beriman yang berupaya menyumbang kepada pembangunan akhlak dan masyarakat berteraskan nilai-nilai Islam.

Menurut al-Qattan (2007), ayat 35 daripada Surah al-Ahzab mempunyai latar belakang yang sama dengan beberapa ayat lain, iaitu Surah Ali 'Imran ayat 195, Surah al-Nisa' ayat 32 dan ayat 35. Berdasarkan riwayat-riwayat yang dihimpunkan oleh para mufassir, ketiga-tiga ayat ini diturunkan disebabkan oleh pertanyaan Ummu Salamah, isteri Nabi Muhammad SAW, yang menyuarakan keinginannya agar kaum perempuan turut disebut secara jelas dalam al-Quran sebagaimana kaum lelaki. Ummu Salamah meriwayatkan bahawa beliau pernah bertanya kepada Rasulullah SAW, "Mengapa kaum perempuan tidak disebut dalam al-Quran sebagaimana kaum lelaki?" Pada waktu itu, Baginda tidak memberikan jawapan serta-merta, namun kemudian Baginda menyampaikan wahyu Allah di atas mimbar dengan membacakan firman-Nya iaitu ayat 35 dari surah al-Ahzab ini (Surah al-Ahzab, 33:35). (HR. Ahmad)

Peristiwa ini membuktikan bahawa turunnya wahyu tersebut merupakan jawapan langsung terhadap persoalan Ummu Salamah, sekali gus menolak dakwaan bahawa Islam bersifat diskriminatif terhadap perempuan. Sepertimana yang dijelaskan juga oleh Hamka (2002) dalam tafsirnya, Tafsir al-Azhar, tiada perbezaan antara kedudukan lelaki dan perempuan dalam ketaatan kepada Allah SWT. Hal ini juga menunjukkan bahawa tidak ada yang lebih tinggi atau lebih rendah antara keduanya. Tambahan pula, konsep kesetaraan spiritual dan moral ini telah pun diakui dalam Islam sejak awal lagi, jauh sebelum gagasan kesetaraan gender diperjuangkan oleh gerakan feminis atau masyarakat Barat moden. Ini menunjukkan bahawa al-Quran telah meletakkan asas keadilan dan keseimbangan peranan antara kedua-dua jantina berlandaskan nilai iman dan ketakwaan, bukan semata-mata atas dasar hak sosial atau biologi.

- Surah al-Nisa', ayat 25

Allah SWT berfirman:

وَمَنْ لَّمْ يَسْتَطِعْ مِنْكُمْ طَوْلًا أَنْ يَنْكِحَ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ فَمِنْ مَّا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ مِّنْ فَتَيَاتِكُمُ الْمُؤْمِنَاتِ ۗ وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِإِيمَانِكُمْ ۖ بَعْضُكُمْ مِّنْ بَعْضٍ ۗ فَأَنْكِحُوهُنَّ بِإِذْنِ أَهْلِهِنَّ وَءَاثُوهُنَّ أَجُورَهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ ۚ مُحْصَنَاتٍ غَيْرِ مُسَفَّحَاتٍ وَلَا مُتَّخِذَاتِ أَخْدَانٍ ۚ فَإِذَا أُحْصِنَ فَإِنَّ أَتَيْنَ بِفَاحِشَةٍ فَعَلَيْهِنَّ نِصْفُ مَا عَلَى الْمُحْصَنَاتِ مِنَ الْعَذَابِ ۗ ذَلِكَ لِمَنْ خَشِيَ الْعَنَتَ مِنْكُمْ ۗ وَأَنْ تَصْبِرُوا خَيْرٌ لَّكُمْ ۗ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya: “Dan sesiapa di antara kamu yang tidak mempunyai kemampuan yang cukup untuk berkahwin dengan perempuan-perempuan yang baik-baik (yang merdeka, yang terpelihara kehormatannya) lagi beriman, maka bolehlah kamu berkahwin dengan hamba-hamba perempuan yang beriman yang kamu miliki. Dan Allah lebih mengetahui akan iman kamu; kamu masing-masing (suami yang merdeka dan isteri dari hamba - abdi itu) adalah berasal sama (dari Adam, dan seugama pula). Oleh itu berkahwinlah dengan mereka dengan izin walinya serta berikanlah maskahwinnya menurut yang patut. Mereka (hamba-hamba perempuan yang akan dijadikan isteri, hendaklah) yang sopan bukan perempuan-perempuan lacur, dan bukan pula perempuan yang mengambil lelaki sebagai teman simpanan. Kemudian setelah mereka (hamba-hamba perempuan itu) berkahwin, lalu mereka melakukan perbuatan keji (zina), maka mereka dikenakan separuh dari (hukuman) seksa yang ditetapkan ke atas perempuan-perempuan yang merdeka. (Hukum perkahwinan) yang demikian (yang membolehkan seseorang berkahwin dengan hamba-hamba perempuan) itu ialah bagi orang-orang yang bimbang melakukan zina di antara kamu; dan sabarnya kamu (tidak berkahwin dengan hamba-hamba perempuan) itu adalah lebih baik bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

Ayat ini secara jelas membezakan dua golongan perempuan, iaitu mereka yang terpelihara kehormatan (al-muḥṣanāt) dan beriman (al-mu'mināt) sebagai sifat terpuji, berbanding perempuan yang terlibat dalam hubungan terlarang secara terbuka (al-musāfihāt) atau tersembunyi (al-muttakhidhāt akhdān). Dengan itu, ayat ini menegaskan nilai kesucian, maruah, dan batas moral yang menjadi asas dalam peraturan perkahwinan Islam. Menurut Ibn Kathir (2000), ayat ini diturunkan untuk memberi kelonggaran kepada lelaki beriman yang tidak mampu menanggung mahar atau nafkah untuk berkahwin dengan perempuan yang merdeka, agar mereka dibolehkan berkahwin dengan hamba perempuan yang beriman.

Ini merupakan bentuk rahmat dan kemudahan daripada Allah agar keinginan semula jadi manusia dapat dipenuhi secara halal, tanpa terjerumus dalam perzinaan. Dalam tafsirnya, beliau menukilkan pandangan Ibnu Abbas dalam menjelaskan makna al-musāfihāt iaitu perempuan yang tidak bermoral, iaitu mereka yang melakukan zina secara terbuka dan tidak menolak mana-mana lelaki yang ingin melakukan perbuatan keji dengan mereka. Manakala maksud bagi al-muttakhidhāt akhdān dijelaskan dengan merujuk kepada pandangan al-Hasan al-Basri iaitu perempuan yang menjalin hubungan dengan lelaki sebagai teman simpanan.

Ad-Dahhak pula menafsirkan istilah tersebut sebagai perempuan yang mempunyai hubungan sulit dengan lelaki yang dipersetujui tanpa ikatan perkahwinan yang sah, iaitu hidup bersama seperti pasangan suami isteri. Allah SWT dengan jelas melarang perkahwinan dengan perempuan yang masih berada dalam keadaan sedemikian sehingga mereka benar-benar bertaubat dan meninggalkan perbuatan tersebut (Ibn Kathir, 2000). Dalam *Asbāb al-Nuzūl karya al-Wāḥidī* (1991), dijelaskan bahawa beberapa sahabat Nabi SAW pada waktu itu ingin berkahwin tetapi tidak mampu menyediakan mahar untuk perempuan merdeka. Maka, ayat ini diturunkan sebagai panduan bahawa mereka boleh menikahi hamba perempuan yang beriman, dengan syarat menjaga kehormatan dan tidak menjadikan mereka sebagai perempuan simpanan (*muttakhidhāt akhdān*).

- **Surah al-Nisa', ayat 34**

Allah SWT berfirman:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ ۚ فَالصَّالِحَاتُ قَنَاطٌ حَافِظَاتٌ لِّلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ

Maksudnya: "Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemuliharaan Allah dan pertolonganNya."

Ayat ini mengandungi tiga sifat yang disandarkan kepada perempuan yang baik, iaitu al-salihat, qanitat, dan hafizat. Istilah al-salihat disebut banyak kali dalam al-Quran, namun hanya sekali dikhususkan bagi menggambarkan sifat perempuan yang solehah, iaitu dalam ayat 34 dari Surah al-Nisa. Istilah ini menonjolkan nilai ketaatan dan kesetiaan sebagai asas keperibadian perempuan beriman. Sementara itu, sifat qanitat dan hafizat turut ditemui dalam Surah al-Ahzab ayat 35, yang menghimpunkan sifat-sifat terpuji bagi lelaki dan perempuan beriman. Namun, istilah hafizat dalam Surah al-Nisa ayat 34 tidak berhenti di situ, sebaliknya disertakan dengan frasa "lil-ghayb", yang memberikan makna lebih khusus berbanding sebutan al-hafizat dalam Surah al-Ahzab.

Menurut As-Suddi dan ulama tafsir yang lain, maksud hafizat lil-ghayb ialah perempuan yang memelihara kehormatan diri serta menjaga harta benda suaminya ketika suaminya tiada di rumah (Ibn Kathir, 2000). Huraian ini menunjukkan bahawa al-Quran bukan sahaja mengiktiraf kesetiaan dan kesucian diri sebagai sifat utama perempuan yang beriman, tetapi juga menekankan nilai amanah dan tanggungjawab dalam menjaga maruah serta kesejahteraan rumah tangga.

- **Surah al-Nur, ayat 26**

Allah SWT berfirman:

الْحَبِيثَاتُ لِلْحَبِيثِينَ وَالْحَبِيثُونَ لِلْحَبِيثَاتِ وَالطَّيِّبَاتُ لِلطَّيِّبِينَ وَالطَّيِّبُونَ لِلطَّيِّبَاتِ أُولَئِكَ مُبَرَّءُونَ مِمَّا يُقُولُونَ لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ

Maksudnya: “(Lazimnya) perempuan-perempuan yang jahat adalah untuk lelaki-lelaki yang jahat, dan lelaki-lelaki yang jahat untuk perempuan-perempuan yang jahat; dan (sebaliknya) perempuan-perempuan yang baik untuk lelaki-lelaki yang baik, dan lelaki-lelaki yang baik untuk perempuan-perempuan yang baik. Mereka (yang baik) itu adalah bersih dari (tuduhan buruk) yang dikatakan oleh orang-orang (yang jahat); mereka (yang baik) itu akan beroleh pengampunan (dari Allah) dan pengurniaan yang mulia.”

Ayat ini mengandungi dua sifat yang disandarkan kepada perempuan, iaitu al-khabithat dan al-tayyibat. Menurut Ibn Kathir (2000), ayat ini diturunkan berkenaan dengan Sayyidatina Aisyah RA dan golongan yang menyebarkan berita bohong (hadith al-ifk), dengan tujuan untuk menegaskan bahawa Aisyah termasuk dalam kalangan al-tayyibat, iaitu perempuan yang suci dan terpelihara daripada segala fitnah. Menurut riwayat al-Thabarani yang bersumber daripada ‘Abdurrahman bin Zaid bin Aslam, ayat ini secara khusus menjelaskan bahawa Allah SWT telah menafikan segala tuduhan dusta terhadap Aisyah dan memuliakannya dengan pengiktirafan sebagai perempuan yang suci dan beriman.

Istilah al-khabathat merujuk kepada perkataan yang keji, yang selayaknya ditujukan kepada orang yang berwatak jahat, manakala perkataan yang baik lebih sesuai ditujukan kepada orang yang baik (Al-Baghawi, 1999). Oleh itu, tuduhan palsu yang dilemparkan terhadap Aisyah sebenarnya lebih layak ditujukan kepada para penyebar fitnah itu sendiri. Sebaliknya, Aisyah lebih berhak menerima gelaran sebagai perempuan yang suci dan terpelihara daripada dosa serta kejahatan. Dalam ayat tersebut, Allah SWT menegaskan bahawa “mereka (yang dituduh) itu bersih daripada apa yang dituduhkan oleh para penuduhnya.”

Ayat 26 Surah al-Nur bukan sahaja diturunkan untuk membela kehormatan Sayyidatina Aisyah RA daripada tuduhan palsu, tetapi juga menegaskan prinsip bahawa kesucian tidak akan bercampur dengan kejahatan yang baik hanya layak bagi yang baik, manakala yang buruk hanya bagi yang buruk. Walaupun ayat ini merujuk kepada peristiwa tertentu, pengajarannya bersifat umum sebagai panduan agar manusia memilih pasangan yang berakhlak dan beragama. Kisah Nabi Nuh dan Nabi Lut bersama isteri mereka serta Asiah isteri Firaun menjadi pengecualian yang menunjukkan bahawa ayat ini merupakan bentuk bimbingan dan pengkhabaran, bukan penetapan mutlak.

Justeru, ayat ini turut menegaskan kepentingan saling menasihati, berdakwah dan membimbing antara suami isteri, kerana usaha mencari pasangan yang beriman serta membina rumah tangga berasaskan nilai agama merupakan tuntutan syariat. Istilah ‘baik’ dan ‘jahat’ pula perlu difahami menurut panduan syariat, kerana kebaikan yang hakiki hanya dapat dinilai oleh Allah SWT.

- **Surah al-Fath, ayat 5 dan 6**

Allah SWT berfirman:

لِيُدْخِلَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا ... هـ وَيُعَذِّبُ الْمُنَافِقِينَ وَالْمُنَافِقَاتِ وَالْمُشْرِكِينَ وَالْمُشْرِكَاتِ الظَّالِمِينَ
بِاللَّهِ ظَنَّ السَّوْءَ عَلَيْهِمْ دَائِرَةُ السَّوْءِ وَغَضِبَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ وَلَعَنَهُمْ وَأَعَدَّ لَهُمْ جَهَنَّمَ وَسَاءَتْ مَصِيرًا

Maksudnya: "(Allah melakukan yang demikian) supaya ia memasukkan orang-orang yang beriman - lelaki dan perempuan - ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; dengan keadaan kekal mereka di dalamnya... Dan supaya Ia menyiksa orang-orang munafik - lelaki dan perempuan, dan orang-orang musyrik - lelaki dan perempuan, yang menyangka terhadap Allah dengan sangkaan yang buruk (bahawa Ia akan mengecewakan RasulNya). Atas merekalah tertimpanya bala bencana yang dibawa oleh peredaran zaman; dan (selain itu) Allah murkai mereka dan melaknatkan mereka serta menyediakan untuk mereka neraka Jahannam; sedang neraka Jahannam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali."

Kedua-dua ayat ini menunjukkan perbezaan bagi golongan perempuan yang beriman, golongan munafik, dan golongan yang mensyirikkan Allah SWT. Ayat ini menjelaskan bahawa azab didahulukan kepada golongan munafik untuk mengingatkan umat Islam tentang kekufuran mereka yang tersembunyi dan sering terlepas pandang. Perempuan munafik pula digambarkan saling berkongsi rahsia, bersiap menipu daya, serta melindungi orang musyrik apabila diperlukan. Ibn Ashur (1994) menjelaskan dalam tafsirnya, "kata hubung 'perempuan munafik' menyerupai dengan kata hubung 'perempuan mukmin' yang disebutkan di atas, kerana perempuan-perempuan munafik berkongsi rahsia sesama mereka, bersiap sedia untuk menipu daya yang mereka simpan dan bersiap sedia untuk memberi perlindungan buat orang-orang musyrik jika mereka menziarahi orang-orang munafik."

Menurut Syaari Ab. Rahman (2025), istilah al-muminat merujuk kepada golongan perempuan beriman yang menjadi model teladan dan sumber inspirasi, sebagaimana ditunjukkan melalui penglibatan Ummu Salamah dalam Perjanjian Hudaibiyah. Beliau digambarkan sebagai seorang perempuan yang bijaksana, beriman, dan memainkan peranan penting dalam menyokong keputusan Nabi Muhammad SAW. Sementara itu, istilah al-munafikat dan al-mushrikat pula menggambarkan pengiktirafan al-Quran terhadap kewujudan dua golongan yang menolak kebenaran, iaitu mereka yang menyembunyikan kekufuran di sebalik keimanan yang palsu serta mereka yang secara terang-terangan menentang ajaran Rasulullah SAW.

Perbezaan antara ketiga-tiga golongan ini tidak hanya terletak pada perbuatan dan kelakuan mereka sama ada secara terang-terangan mahupun tersembunyi, tetapi al-Quran juga menggambarkan perbezaan yang akan mereka terima sebagai balasan di akhirat kelak. Golongan al-muminat akan kekal di dalam syurga, manakala al-munafikat dan al-mushrikat mendapat kemurkaan Allah dan ditempatkan di seburuk-buruk tempat iaitu neraka Jahannam. Melalui ayat-ayat yang dibincangkan di atas, semua sifat yang merujuk kepada perempuan dapat dikategorikan kepada dua kelompok utama, iaitu sifat-sifat terpuji dan sifat-sifat tercela.

Sifat-sifat terpuji yang dikaitkan dengan perempuan dalam al-Quran merujuk kepada nilai-nilai akhlak dan spiritual yang luhur yang seharusnya menjadi teladan dalam kehidupan beragama dan bermasyarakat. Antaranya termasuk sifat sabar, taat, penyayang, berakhlak mulia, serta memiliki rasa tanggungjawab terhadap keluarga dan masyarakat. Sifat-sifat ini digambarkan melalui istilah seperti al-muslimat, al-muminat, al-qanitat, al-sadiqat, al-sabirat, al-khashiat, al-mutasaddiqat, al-saimat, al-hafizat, al-zakirat, al-salihat, al-muhsanat dan al-tayyibat. Kesemua istilah ini menampilkan peranan perempuan sebagai insan beriman yang mendekatkan diri kepada Allah SWT serta memberi sumbangan positif terhadap kesejahteraan sosial dan moral umat.

Jadual 2: Sifat Terpuji bagi Perempuan' dalam al-Quran

Istilah	Maksud	Surah/Ayat
الْمُسْلِمَاتِ	Perempuan-perempuan muslim/yang berserah diri	Surah Al-Ahzab: 35
الْمُؤْمِنَاتِ	Perempuan-perempuan beriman	Surah Al-Ahzab: 35 Surah An-Nur: 31 Surah al-Fath: 5 Surah al-Maidah: 5
قَانِتَاتٍ	Perempuan-perempuan yang taat/patuh	Surah Al-Ahzab: 35 Surah An-Nisa: 34
الصَّادِقَاتِ	Perempuan-perempuan yang jujur/benar	Surah Al-Ahzab: 35
الصَّابِرَاتِ	Perempuan-perempuan yang sabar	Surah Al-Ahzab: 35
الْحَاشِئَاتِ	Perempuan-perempuan yang khusyuk/rendah hati	Surah Al-Ahzab: 35
الْمُتَصَدِّقَاتِ	Perempuan-perempuan yang bersedekah	Surah Al-Ahzab: 35
الصَّائِمَاتِ	Perempuan-perempuan yang berpuasa	Surah Al-Ahzab: 35
الْحَافِظَاتِ	Perempuan-perempuan yang menjaga (kehormatan)	Surah Al-Ahzab: 35 Surah An-Nisa: 34
الذَّاكِرَاتِ	Perempuan-perempuan yang banyak mengingat Allah	Surah Al-Ahzab: 35
الصَّالِحَاتِ	Perempuan-perempuan solehah / baik	Surah An-Nisa: 34
الْمُحْصَنَاتِ	Perempuan-perempuan yang terjaga kehormatan/suci/Merdeka	Surah An-Nisa: 24 & 25 Surah al-Maidah: 5
الطَّيِّبَاتِ	Perempuan-perempuan yang baik	Surah al-Nur: 26

Manakala sifat-sifat tercela yang disebut dalam al-Quran merujuk kepada perilaku dan sikap yang menjauhkan individu daripada nilai ketakwaan dan kemuliaan akhlak. Antara sifat tersebut ialah sombong, angkuh, bermegah-megah, berdusta, iri hati, dan mengabaikan tanggungjawab moral. Namun begitu, al-Quran menggunakan beberapa istilah khusus untuk menggambarkan sifat-sifat tercela yang disandarkan kepada kaum perempuan sebagai bentuk peringatan terhadap perilaku yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Antara istilah yang digunakan ialah al-mushrikāt dan al-munāfiqāt. Al-mushrikāt menggambarkan golongan perempuan yang mensyirikkan Allah dengan menyekutukan-Nya dalam ibadah dan keyakinan, manakala al-munāfiqāt merujuk kepada mereka yang menzahirkan keimanan tetapi menyembunyikan

Selain itu, al-Quran turut menggunakan istilah *musāfihāt* dan *muttakhidhāti akhdān* bagi menunjukkan perilaku moral yang menyimpang. *Musāfihāt* merujuk kepada perempuan yang melakukan zina secara terang-terangan tanpa rasa malu atau penyesalan, manakala *muttakhidhāti akhdān* menggambarkan perempuan yang menjalin hubungan sulit dengan lelaki sebagai teman simpanan tanpa ikatan yang sah (Ibn Kathir, 2000). Sifat-sifat ini bukan sahaja dilarang dari sudut hukum syarak, tetapi juga dipandang sebagai ancaman terhadap nilai kesucian diri, kehormatan keluarga, dan kesejahteraan masyarakat. Oleh itu, larangan terhadap sifat-sifat tersebut menunjukkan komitmen al-Quran dalam menegakkan akhlak yang murni serta menjaga keseimbangan hubungan antara manusia dan Allah SWT.

Al-Quran turut menggambarkan satu lagi sifat tercela yang dikaitkan dengan perempuan melalui istilah *al-khabīthāt*. Istilah ini diulang sebanyak dua kali dalam satu ayat yang diturunkan bagi menyucikan nama Aisyah daripada tuduhan palsu yang disebar oleh golongan munafik. Dalam tafsir al-Baghawi (1999), beliau mengutip pandangan Ibn Zayd yang menjelaskan bahawa istilah *al-khabīthāt* merujuk kepada perempuan-perempuan yang keji dari segi ucapan dan perilaku, yang sesuai hanya bagi lelaki yang juga keji dari segi ucapan dan perbuatan mereka. Begitulah sebaliknya bagi perempuan yang baik adalah bagi lelaki yang baik pula. Pandangan ini menegaskan prinsip kesepadanan moral dan akhlak antara lelaki dan perempuan sebagaimana yang ditetapkan oleh Allah. Penegasan ini menggambarkan bahawa al-Quran bukan sekadar menolak tuduhan keji terhadap Aisyah, tetapi juga menegakkan prinsip kesucian dan kehormatan moral sebagai asas dalam penilaian terhadap seseorang, sama ada lelaki atau perempuan.

Jadual 2: Sifat tercela bagi perempuan dalam al-Quran

Istilah	Maksud	Surah/Ayat
المُشْرِكَاتِ	Perempuan-perempuan musyrik	Surah Al-Baqarah: 221 Surah al-Fath: 6
الْمُنْفِقَاتِ	Perempuan-perempuan munafik	Surah al-Fath: 6
مُسْفِحَاتِ	Perempuan-perempuan yang melakukan zina terang-terangan	Surah An-Nisa: 25
مَتَّخِذَاتِ أَخْدَانٍ	Perempuan-perempuan yang mengambil lelaki sebagai teman simpanan	Surah An-Nisa: 25
الْحَيْثَاتِ	Perempuan-perempuan yang keji	Surah al-Nur: 26

Pembahagian kepada kedua-dua sifat ini menunjukkan bahawa al-Quran tidak hanya menilai perempuan berdasarkan jantina, tetapi berdasarkan akhlak dan amal yang mencerminkan tahap keimanan seseorang. Walau bagaimanapun, penilaian ini bukan sekadar bersifat moral semata-mata, tetapi juga menegaskan prinsip tanggungjawab individu di sisi Allah SWT. Al-Qur'an menekankan bahawa kemuliaan seseorang, sama ada lelaki mahupun perempuan, diukur melalui ketakwaan dan amal soleh, bukan kedudukan sosial atau perbezaan jantina. Oleh itu, pembahagian sifat terpuji dan tercela ini menggambarkan keadilan Ilahi dalam menilai manusia berdasarkan usaha dan keikhlasan mereka dalam beribadah serta berakhlak mulia.

ANALISIS SEMANTIK TERHADAP SIFAT-SIFAT BAGI PEREMPUAN

Ilmu semantik merupakan cabang linguistik yang meneliti makna bahasa secara mendalam. Ia memberi tumpuan kepada makna yang terkandung dalam bentuk-bentuk linguistik seperti perkataan, frasa, dan ayat. Menurut Norfazilah (2014, “semantik ialah istilah yang merujuk kepada kajian makna, dan oleh sebab makna itu adalah sebahagian daripada bahasa maka semantik juga menjadi sebahagian daripada linguistik. Apabila membicarakan tentang bahasa, bolehlah dikatakan bahasa adalah alat yang paling penting dan sering digunakan untuk berkomunikasi.” Dalam konteks kajian ini, analisis semantik dijalankan bagi meneliti sifat-sifat yang berkaitan dengan perempuan dalam al-Quran. Analisis ini bukan sahaja melihat makna leksikal, iaitu makna asal sesuatu perkataan berdasarkan akar katanya, tetapi juga makna kontekstual, iaitu makna yang terbentuk berdasarkan penggunaannya dalam ayat dan konteks wahyu.

Melalui pendekatan ini, dapat dikenal pasti implikasi semantik yang tersirat di sebalik pemilihan kata-kata tersebut, termasuk mesej sosial dan teologi yang ingin ditegaskan oleh al-Quran terhadap kedudukan dan sifat perempuan. Oleh itu, analisis semantik terhadap sifat-sifat bagi perempuan membantu memahami bagaimana al-Quran menggambarkan identiti, peranan dan kemuliaan perempuan melalui bahasa yang sarat dengan nilai keimanan, moral dan keinsanan. Dalam masa yang sama, al-Quran turut menampilkan sifat-sifat tercela sebagai peringatan dan panduan agar golongan perempuan menjauhi perilaku negatif yang boleh menjejaskan martabat serta kesejahteraan diri. Melalui pendekatan ini, dapat dilihat keseimbangan yang ditunjukkan al-Quran dalam membentuk keperibadian perempuan yang beriman dengan menegaskan sifat terpuji yang perlu diteladani dan sifat tercela yang wajar dielakkan, seperti yang digambarkan dalam Jadual 3 berikut:

Istilah	Makna Leksikal	Makna Kontekstual	Implikasi Semantik
الْمُسْلِمَاتِ	Berasal daripada akar kata س ل م (s-l-m) yang bermaksud “selamat, sejahtera, menyerah diri”.	Merujuk kepada perempuan yang menyerahkan diri sepenuhnya kepada Allah dan tunduk kepada hukum-Nya.	Menunjukkan konsep penyerahan secara penuh kepada Allah sebagai asas identiti Muslimah.
الْمُؤْمِنَاتِ	Berasal daripada akar kata أ م ن ('-m-n) yang bermaksud “percaya, beriman, aman”.	Merujuk kepada perempuan yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya.	Menunjukkan keimanan sebagai asas kemuliaan manusia tanpa mengira jantina.
قَانِتَاتٍ	Berasal daripada akar kata ق ن ت (q-n-t) yang bermaksud “taat, tunduk, patuh”.	Menunjukkan perempuan yang taat dan tunduk kepada Allah dengan penuh kepatuhan.	Menggambarkan ketaatan sebagai sifat utama dalam mencapai keredaan Ilahi.
الصَّادِقَاتِ	Berasal daripada akar kata ص د ق (ṣ-d-q) yang bermaksud “benar, jujur, tulus”.	Menunjukkan perempuan yang bersikap jujur dalam perkataan dan perbuatan.	Menegaskan nilai kejujuran sebagai lambang kesempurnaan iman.

الصَّابِرَاتِ	Berasal daripada akar kata ص ب ر (s-b-r) yang bermaksud “sabar, tabah, menahan diri”.	Merujuk kepada perempuan yang tabah menghadapi ujian dan tetap beriman.	Mengangkat kesabaran sebagai kekuatan rohani dan moral perempuan Islam.
الْخَائِضَاتِ	Berasal daripada akar kata خ ش ع (kh-sh-‘) yang bermaksud “rendah hati, khusyuk”.	Menunjukkan perempuan yang khusyuk dan tunduk dalam ibadah.	Melambangkan kerendahan hati dan kesedaran spiritual dalam hubungan dengan Allah.
الْمُتَصَدِّقَاتِ	Berasal daripada akar kata ص د ق (s-d-q) yang juga membawa maksud “bersedekah, memberi”.	Merujuk kepada perempuan yang gemar bersedekah dan membantu orang lain.	Menonjolkan peranan sosial perempuan dalam memperkukuh keadilan dan kebajikan.
الصَّائِمَاتِ	Berasal daripada akar kata ص و م (s-w-m) yang bermaksud “berpuasa, menahan diri”.	Menunjukkan perempuan yang berpuasa kerana Allah.	Menggambarkan kekuatan disiplin diri dan keikhlasan dalam ibadah.
الْحَافِظَاتِ	Berasal daripada akar kata ح ف ظ (h-f-z) yang bermaksud “menjaga, memelihara”.	Merujuk kepada perempuan yang menjaga kehormatan diri dan amanah.	Menegaskan pentingnya maruah dan tanggungjawab moral dalam Islam.
الذَّاكِرَاتِ	Berasal daripada akar kata ذ ك ر (dh-k-r) yang bermaksud “mengingati, menyebut”.	Menunjukkan perempuan yang sentiasa mengingati Allah melalui zikir dan doa.	Menggambarkan hubungan berterusan antara hamba dan Tuhan melalui ingatan spiritual.
الصَّالِحَاتِ	Berasal daripada akar kata ص ل ح (s-l-h) yang bermaksud “baik, elok, berguna”.	Merujuk kepada perempuan yang melakukan amal kebaikan dan memperbaiki diri.	Menunjukkan kesempurnaan akhlak sebagai tanda keimanan sejati.
الْمُحْصَنَاتِ	Berasal daripada akar kata ح ص ن (h-s-n) yang bermaksud “terpelihara, suci, kuat”.	Menunjukkan perempuan yang menjaga kehormatan dan tidak melakukan perbuatan keji.	Menolak stereotaip negatif terhadap perempuan serta menegaskan maruah diri sebagai kemuliaan.
الطَّيِّبَاتِ	Berasal daripada akar kata ط ي ب (t-y-b) yang bermaksud “baik, suci, bersih”.	Menunjukkan perempuan yang suci hati, baik akhlak dan perbuatannya.	Menggambarkan kesucian dan kebaikan perempuan sebagai pasangan yang layak bagi lelaki baik.
الْمُشْرِكَاتِ	Berasal daripada akar kata ش ر ك (sh-r-k) yang bermaksud “menyekutukan, mempersekutukan”.	Menunjukkan perempuan yang menyekutukan Allah dengan sesuatu selain-Nya.	Menggambarkan penolakan terhadap syirik sebagai asas pembeza antara keimanan dan kekufuran.
الْمُنْفِقَاتِ	Berasal daripada akar kata ن ف ق (n-f-q) yang bermaksud “munafik, berpura-pura”.	Merujuk kepada perempuan yang berpura-pura beriman tetapi menyembunyikan kekufuran.	Menegaskan bahaya hipokrisi dalam agama dan pentingnya keikhlasan hati.
مُسَوِّحَاتِ	Berasal daripada akar kata س و ح (s-f-h) yang bermaksud “melakukan zina secara terang-terangan”.	Menunjukkan perempuan yang menjalin hubungan terlarang tanpa ikatan perkahwinan.	Mengecam perilaku tidak bermoral dan menegaskan pentingnya kehormatan serta kesucian dalam masyarakat Islam.
مُتَّخِذَاتِ أَحْدَانٍ	Berasal daripada akar kata أ خ ذ (‘-kh-dh) yang bermaksud “mengambil”, “akhdān” bermaksud teman lelaki rahsia.	Menunjukkan perempuan yang mempunyai hubungan sulit dengan lelaki tanpa pernikahan.	Menolak budaya hubungan tersembunyi dan menegaskan nilai kesetiaan serta ketelusan moral.

الْحَيْثِيَّاتُ

Berasal daripada akar kata خ ب ت (kh-b-th) yang bermaksud “keji, jahat, tidak baik”.

Merujuk kepada perempuan yang jahat akhlaknya dan tidak beriman.

Menunjukkan penolakan terhadap sifat keji serta penegasan bahawa perempuan yang baik adalah bagi lelaki yang baik.

KESIMPULAN

Kajian ini menegaskan bahawa sifat-sifat yang merujuk kepada perempuan dalam al-Quran mempunyai kepelbagaian makna yang mencerminkan bukan sahaja identiti agama dan sosial, tetapi juga nilai rohani dan akhlak perempuan Muslimah. Sifat-sifat seperti ketaatan, kesabaran, dan kesucian membentuk suatu kerangka moral yang ditekankan al-Quran sebagai asas pembinaan keperibadian perempuan. Manakala sifat-sifat seperti munafik, jahat, dan buruk dijadikan amaran agar di jauhi oleh masyarakat.

Dari perspektif semantik, pemilihan sifat-sifat ini memperlihatkan kebijaksanaan bahasa al-Quran yang sarat dengan nuansa makna dan hikmah yang mendalam. Justeru, kajian ini bukan sahaja menambah khazanah keilmuan dalam al-Quran, tetapi juga membuka ruang bagi penghayatan lebih mendalam terhadap mesej Ilahi mengenai kedudukan dan peranan perempuan dalam Islam. Seperti yang diungkapkan oleh Hamka: “Jika perempuannya baik, baiklah negara, dan jika mereka bobrok, bobrok pulalah negara. Mereka adalah tiang, dan biasanya tiang rumah tidak begitu kelihatan. Namun, jika rumah sudah condong, periksalah tiangnya. Tandanya tianglah yang lapuk.” Ini menegaskan bahawa keutuhan perempuan menjadi asas kekuatan dan kesejahteraan umat serta bangsa.

Walau bagaimanapun, kajian seperti ini masih berpotensi untuk diperluas dengan meneliti secara lebih terperinci keseluruhan sifat-sifat yang terkandung dalam al-Quran bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh tentang konsep keperibadian manusia menurut perspektif wahyu. Al-Quran bersifat egalitarian dan universal, tidak terbatas kepada jantina atau bangsa tertentu, sebaliknya merupakan kitab panduan yang kekal relevan sepanjang zaman. Ajarannya sentiasa sesuai dengan perubahan dan keperluan manusia pada setiap era, menjadi petunjuk bagi semua lapisan masyarakat dalam membina kehidupan yang berteraskan keimanan, keadilan, dan kemanusiaan sejagat.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Bāqī, M. F. (1945). *Al-Mu‘jam al-Mufahras li-alfāz al-Qur’ān al-Karīm*. Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
- Al-Qattan, Manna’ Khalil. (2007). *Mabāhith fi ‘Ulūm al Qur’ān*. Kairo: Maktabah Wahbah.
- Al-Baghawi, A. M. H. (1999). *Ma‘alim al-Tanzil fi Tafsir al-Quran*. Beirut: Dār Ihya’ al-Turath al-Arabi.
- Abdul Manaf. (2024). Asbabun Nuzul sebagai asas dalam memahami ayat al-Qur’an. *Tafakkur: Jurnal Ilmu Al-Qur’an dan Tafsir*, 4(2), 171-193.
- Al-Aṣḥfahānī, A. (1991). *Al-Mufradāt fi Gharīb al-Qur’ān*. Beirut: Dār al-Qalam.

- Ibn Kathīr, Ismā‘īl ibn ‘Umar. (2000). *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*. Riyadh: Dār Ṭayyibah.
- Ibn Manzūr, M. ibn M. (1993). *Lisān al-‘Arab*. Dār Ṣādir.
- Khairul Anuar Mohamad. (2020). “Sifat Manusia dalam al-Quran”, *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/gaya/2020/09/sifat-manusia-dalam-al-quran/>
- Mohd Shahrān, M. F. (2022). Ayat-ayat al-Quran berkaitan gender berdasarkan al-Tafsīr al-Kabīr Fakhr al-Dīn al-Rāzī. *Journal of Ifta and Islamic Heritage*, 1(2), 110–129.
- Norfazila Ab. Hamid. (2014). Peluasan Semantik Kata Sifat Ringan: Satu Analisis Model Jaringan Langacker (1988). *Jurnal Melayu*, 13, 61-71
- Nur Azwani Mansor & Noor Hisham Md Nawi. (2021). Interaksi al-Quran tentang konsep gender. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 2(10), 93–101. <http://journal.ump.edu.my/ijhtc>
- Paizah Ismail. (1997). Istilah-Istilah Wanita Dalam Al-Qur'an Dan Al-Sunnah, *Jurnal Usuludin*, 6, 39-49. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/3178>
- Puspitasari, A. W., & Nashirudin, M. (2022). Term “Perempuan” dalam Al-Qur’an (Tinjauan study pustaka). *Rayah al-Islam: Jurnal Ilmu Islam*, 6(2), 97–119. <https://doi.org/10.37274/rais.v6i2.542>
- Siti Aminah & Dahlia Lubis. (2022). Analisis semantik untsa, imra’ah, mar’ah, nisa, zau j, dan ummun dalam Al-Qur’an menurut Buya Hamka. *Jurnal Ilmu Al-Qur’an dan Tafsir*, 5(2), 215–239.
- Syaari Ab. Rahman. (2025). Halangan itu Rencana Tuhanmu: Kompas Surah al-Fath. Selangor: Firdaus Press Sdn. Bhd.
- Al-Wāhidī, ‘Alī ibn Aḥmad. (1991). *Asbāb al-Nuzūl*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Zuhayli, W. (1991). *Al-Tafsīr al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj*. Syria: Dār al-Fikr al-Mu’asir.
- Zulbadri, Z. (2019). Akhlak Mazmumah Dalam Al-Quran. *Jurnal Ulunnuha*, 7(2), 109–122. <https://doi.org/10.15548/ju.v7i2.258>